

06 NOV 2001

DR MAHATHIR UCAP TAHNIAH KEPADA GOH CHOK TONG

BANDAR SERI BEGAWAN, 6 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong kerana kemenangan parti pimpinannya pada pilihan raya umum republik itu Ahad lepas.

Dalam perutusan tahniah itu Dr Mahathir berkata sokongan yang diberikan oleh rakyat Singapura itu membuktikan keyakinan mereka yang berterusan kepada Parti Tindakan Rakyat (PAP).

"Malaysia percaya hubungan baik antara kedua-dua negara merupakan ciri-ciri asas kepada kestabilan dan kesejahteraan bersama. Saya harap kita akan terus bekerjasama rapat dalam bidang-bidang yang telah dikenal pasti untuk faedah bersama negara dan rakyat," katanya.

Kenyataan perutusan tahniah itu dikeluarkan kepada Bernama di sini.

Dr Mahathir dan Goh telah berada di sini untuk menghadiri Persidangan Kemuncak Asean selama dua hari yang berakhir hari ini.

-- BERNAMA

DC NMO